



Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG, Selangor
Tel: 03-89466054/59 Fax: 03-89426469
Email : akademik@putra.upm.edu.my
Laman Web : www.akademik.upm.edu.my

PEPERIKSAAN GANTIAN AKIBAT BENCANA BANJIR

Sebagaimana termaklum bencana banjir sedang melanda beberapa negeri di Malaysia khususnya di Kelantan dan Terengganu yang menyebabkan mangsa terperangkap dan perhubungan jalanraya terputus di beberapa tempat. Ada kemungkinan pelajar UPM turut menjadi mangsa dan terperangkap.

Setelah berbincang dengan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan juga dengan pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, persetujuan telah dicapai supaya mana-mana pelajar yang tidak dapat kembali ke kampus untuk menduduki peperiksaan akhir Semester Pertama 2014/215 akibat terperangkap dalam bencana banjir tidak dianggap sebagai tidak hadir dalam peperiksaan berkenaan, akan tetapi, dibenarkan untuk menduduki peperiksaan gantian dalam tempoh dua minggu daripada tarikh peperiksaan asal atau suatu tempoh lain sebelum semester berikutnya bermula mengikut kaedah 54, Kaedah-kaedah UPM (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UPM baru-baru ini yang menyatakan -

- '54. (1) Walau apa pun yang diperuntukkan oleh kaedah 53, pelajar boleh menduduki peperiksaan ganti jika pelajar tersebut memberikan alasan yang munasabah, dan Dekan Fakulti pelajar setelah berunding dengan guru bagi kursus pengajian yang pelajar itu tidak menduduki peperiksaan yang ditetapkan, berpuas hati dengan kemunasabahan alasan yang diberi.
- (2) Apa-apa peperiksaan gantian yang dibuat di bawah subkaedah (1) hendaklah diadakan dalam dua minggu daripada tarikh peperiksaan asal atau atau suatu tempoh lain sebelum semester berikutnya bermula.'

Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir akibat terperangkap dalam bencana banjir tersebut hendaklah mengemukakan perakuan atau bukti daripada pegawai daerah atau penghulu, atau pihak polis, atau Jabatan Penerangan atau Jabatan Kebajikan di lokasi/daerah berkenaan bahawa pelajar berkenaan memang merupakan mangsa dan tidak dapat pulang ke kampus, apabila mengemukakan permohonan peperiksaan gantian untuk pertimbangan Dekan masing-masing.

Sehubungan itu, pohon dihebahkan maklumat ini untuk pengetahuan dan perhatian semua pegawai akademik dan pelajar.

Ketua Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa